

Pembebasan Suu Kyi kemajuan demokrasi di Myanmar

UKM - 7 MAY 2002

KUALA LUMPUR 6 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pembebasan, pemimpin pergerakan pro demokrasi, Aung San Suu Kyi selepas 19 bulan dikenakan tahanan dalam rumah merupakan satu kemajuan terhadap demokrasi di Myanmar.

Perdana Menteri menyanjung keputusan kerajaan junta tentera itu dan merasakan ia boleh diterima sebagai satu kemajuan besar bagi negara itu.

“Kedua-dua pihak (junta tentera dan pergerakan pro demokrasi) patut diberi pujian. Saya tidak fikir ia boleh dicapai dalam satu malam,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Antarabangsa Ke-35 Majlis Ekonomi Lembaga Pasifik (PBEC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas pembebasan pemenang hadiah keamanan Nobel berumur 56 tahun itu oleh pemerintahan tentera di Myanmar.

Myanmar dibayangi desas-desus mengenai pembebasan Suu Kyi sejak beberapa hari lalu.

Suu Kyi menghabiskan masa selama beberapa tahun di bawah tahanan rumah apabila pihak tentera negara itu mematahkan bantahan antikerajaan pada 1988. Pemerintahan tentera di Myanmar bermula sejak 1962:

Beliau turut dihalang keluar daripada rumah dengan talian telefon dipotong sejak September 2000.